

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
KAWASAN : LANGKAWI
TARIKH : 13.11.2014 (SELASA)
NO. SOALAN : 38

YB. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

- a. Apakah benar Malaysia akan kehilangan hasil sumber pendapatan dengan pemansuhan duti import apabila TPP dilaksanakan; dan
- b. Sejauh manakah TPP ataupun perjanjian perdagangan bebas dapat membantu dalam mengurangkan beban hidup rakyat sekiranya duti import sesuatu barangan import telah dikurang ataupun dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perdagangan antarabangsa merupakan enjin pertumbuhan ekonomi yang penting kepada negara. Malaysia merupakan antara negara yang menerima manfaat daripada proses liberalisasi perdagangan dunia. Selain daripada proses liberalisasi perdagangan antarabangsa melalui Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa atau World Trade Organisation (WTO), Malaysia turut menerokai langkah-langkah liberalisasi menerusi ASEAN dan mengadakan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas atau *Free Trade Agreement* (FTA), dengan izin.

Antara matlamat utama dalam semua rundingan FTA ialah penghapusan dan pengurangan duti import oleh semua Parti supaya halangan perdagangan boleh dikurangkan dan urusan perdagangan boleh dipermudahkan. Ingin dimaklumkan juga bahawa walaupun duti import dikurangkan atau dihapuskan di bawah mana-mana FTA termasuk TPP, Kerajaan masih berhak untuk melaksanakan dasar-dasar domestik yang lain. Ini termasuklah pelaksanaan duti eksais atau cukai jualan yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan ke atas mana-mana produk. Pada masa yang sama, produk-produk yang dikategorikan sebagai sensitif kepada negara seperti minuman keras dan tembakau akan dikenakan tempoh transisi yang paling panjang di dalam rundingan TPP serta masih tertakluk kepada peraturan-peraturan domestik.

Untuk makluman dewan yang mulia jua, penghapusan duti import oleh Malaysia pada hari ini telah hampir mencecah 70 peratus. Ini bermaksud terdapat hanya sekitar 30 peratus barangan yang memasuki pasaran Malaysia masih dikenakan duti import.

Tuan Yang Dipertua,

Melalui analisis awal berdasarkan tawaran akses pasaran barangan yang masih dirundingkan, adalah didapati bahawa penjimatan serta merta yang akan dinikmati oleh pengeksport Malaysia adalah sekitar USD 257 juta. Memandangkan TPP dirundingkan dengan matlamat akhir supaya hampir kesemua duti import dihapuskan, adalah dijangka bahawa angka penjimatan tersebut akan terus meningkat memandangkan industri tempatan kini telah melangkaui pasaran domestik dan turut bersaing di pasaran asing.

FTA terawal yang ditandatangani oleh Malaysia adalah ASEAN FTA atau AFTA pada tahun 1992 dan semenjak itu, pasaran Malaysia telah terbuka luas dari segi perdagangan antarabangsa. Dalam tempoh tersebut, negara telah melihat ekonomi berkembang maju, bertambah kompetitif dari segi kualiti dan harga produk serta mempunyai daya persaingan setimpal dengan ekonomi lain. Dengan perkembangan tersebut, rakyat jelata secara amnya telah mendapat manfaat oleh pelaksanaan FTA menerusi pilihan produk barangan atau perkhidmatan dalam pasaran yang lebih luas dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang Dipertua,

FTA merupakan satu mekanisme untuk membawa kemajuan kepada negara serta meningkatkan daya persaingan supaya Malaysia masih kekal relevan di dunia. Kerajaan Malaysia menyedari bahawa terdapat skop yang mungkin membimbangkan sesetengah golongan masyarakat, oleh itu kesemua FTA yang dirundingkan oleh Kerajaan Malaysia mengambil kira kepentingan hampir kesemua golongan rakyat serta sentiasa dibimbing oleh analisis kos faedah.